

**NO. SOALAN: 337**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN  
AMAN RAZALI (KUALA NERUS)**

**RUJUKAN : 9162**

**SOALAN :**

**Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [ Kuala Nerus ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan keadaan keselamatan negara ini khususnya di Sabah termasuk lokasi-lokasi yang berkemungkinan menjadi sasaran serangan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dan langkah-langkah yang dilaksanakan bagi mengatasinya.**

## **JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keadaan keselamatan di Sabah pada masa ini masih lagi baik dan terkawal. Namun begitu, kerajaan dari semasa ke semasa akan terus meningkatkan kawalan keselamatan terutamanya di kawasan-kawasan di sekitar Pantai Timur Sabah bagi memastikan rakyat di Sabah dapat terus hidup di dalam keadaan aman.

Sehubungan itu, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan keadaan keselamatan terus terjamin. Antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan adalah dengan meningkatkan risikan keselamatan dengan negara-negara jiran bagi membolehkan sebarang pergerakan mana-manakumpulan pengganas dapat dikesan. Aktiviti ini turut diperkukuhkan menerusi risikan keselamatan pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan agensi-agensi yang berkaitan termasuk Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Pada masa yang sama, kerajaan juga telah meningkatkan lagi jumlah anggota polis dengan membuat penambahan seramai 250 orang yang ditempatkan di lokasi-lokasi strategik di seluruh Sabah. Bagi meningkatkan pemantauan di laut, sebanyak 92 buah bot telah dihantar serta pemasangan kamera keselamatan (*big eye*) melalui kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peranan melindungi keselamatan negara terutamanya di Sabah yang dimainkan oleh pihak keselamatan sahaja tidak mampu untuk memastikan keselamatan di segenap penjuru. Sehubungan itu, saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru Ahli Yang Berhormat serta segenap lapisan masyarakat agar dapat bersama-sama kerajaan memerangi kumpulan pengganas ini. Peranan masyarakat untuk menyalurkan maklumat kepada pihak polis amat diharapkan agar elemen kumpulan pengganas dapat dibendung seterusnya dibanteras oleh kerajaan.